

05/03/2001

Umno harap bertemu Pas selepas Aidiladha

Ahmad Zaini Kamaruzzaman; Johari Ibrahim

JITRA, Ahad - Umno tetap berharap mengadakan pertemuan dengan Pas selepas Aidiladha Selasa ini, bagi membincangkan pelbagai perkara mengenai kepentingan nasional, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berharap Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor, yang sedang menunaikan fardu haji, akan mendapat `ilham' ketika di Makkah dan seterusnya bersetuju menemuinya apabila kembali pada 15 Mac ini.

"Saya harap dia akan mendapat seruan. Jumpalah dengan Mahathir. Harap lepas raya, dia setuju jumpa," katanya ketika perasmian berkelompok mesyuarat cawangan Umno Bahagian Kubang Pasu, hari ini.

Dr Mahathir juga mengulangi bahawa pertemuan pemimpin kedua-dua parti Melayu itu boleh diadakan walaupun ada perbezaan pendapat.

"Ada yang kita setuju dan ada yang kita tidak setuju, itu biasalah," katanya sambil menambah, pertemuan pemimpin Pas dan Umno perlu diadakan sekurang-kurangnya untuk perbincangan sesama pemimpin Islam.

"Yang tidak mahu jumpa kita pasal apa ... tak bolehkah duduk berbincang (sebagai) sama-sama Islam," katanya.

Sebelum ini, Dr Mahathir pernah berkata, beliau berhasrat berjumpa dan bersembahyang sunat Aidiladha bersama Fadzil di masjid Kompleks Islam Al-Bukhari, di Alor Malai, Alor Star tetapi terpaksa membatalkannya kerana Presiden Pas itu ke Makkah menunaikan fardu haji.

Kerana tidak dapat menemui Fadzil Selasa ini, Dr Mahathir berharap Presiden Pas bersetuju menemuinya selepas Aidiladha.

Pada 15 Februari lalu, Pas mengemukakan empat agenda untuk perbincangan dengan Umno serta mencadangkan tajuk asal pertemuan penyatuan Melayu diubah kepada Perpaduan Nasional yang kemudian diterima oleh Umno.

Bagaimanapun, pada 18 Februari, Pas menangguhkan pertemuan peringkat pemimpin kedua-dua parti yang dijadual pada 19 Februari.

Pada masa yang sama, Pas dikatakan mengemukakan tiga prasyarat, iaitu pemberian balik royalti minyak kepada Kerajaan Pas Terengganu, membenarkan penerbitan Harakah dua kali seminggu dan mahu kerajaan menolak cadangan Umno supaya melarang penggunaan perkataan Islam pada parti politik.

Mesyuarat pertama jawatankuasa diadakan pada 8 Februari, manakala yang kedua pada 16 Februari lalu.

Keputusan mengenai perbincangan itu kini bergantung kepada mesyuarat jawatankuasa teknikal ketiga kedua-dua parti yang dijangka diadakan minggu ini.

Dalam perkembangan lain, Perdana Menteri meminta pemimpin Umno peringkat cawangan memahami asas penubuhan dan perjuangan Umno supaya penyertaan mereka memberi manfaat kepada parti.

"Ahli kadang-kadang lupa asal-usul Umno atau tidak tahu asal-usul. Ada yang menyertai Umno kerana diajak orang lain atau hanya tahu serba sedikit tentang Umno," katanya.

Menurutnya penyertaan dalam Umno tidak bermakna jika pemimpin akar umbi tidak memahami tujuan penubuhan dan perjuangan parti.

Beliau berkata pemimpin peringkat cawangan juga perlu menerangkan kepada masyarakat mengenai perjuangan Umno dan nikmat yang diperolehi hasil perjuangan itu.

(END)